

MAHATHIR - KONVENSYEN

82  
P  
Kuantan, 17 Dis. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TELAH MENEKANKAN PENTINGNYA +PEMAHAMAN YANG JELAS+ TERHADAP SESUATU LANGKAH YANG DIAMBIL BAGI MENENTUKAN KEJAYAAN ATAU KEGAGALANNYA.

KATANYA PENGALAMAN MENUNJUKKAN BAHAWA KEJAYAAN DALAM USAHA APAPUN TIDAK SEMATA-MATA BERGANTUNG KEPADA KEYAKINAN DAN KESUNGGUHAN TETAPI JUGA KEPADA PERSEDIAAN YANG LENGKAP SERTA LANGKAH YANG KENA.

"DAN KITA TIDAK MUNGKIN DAPAT MENGADAKAN PERSEDIAAN YANG SEMPURNA DAN MENGAMBIL LANGKAH YANG KENA JIKA KITA TIDAK MEMAHAMI BETUL-BETUL APA YANG HENDAK KITA KERJAKAN," KATANYA DALAM KATA-KATA ALUAN BUKU CENDERAMATA KONVENSYEN KETIGA UMNO NEGERI PAHANG SELAMA DUA HARI MULAI ESOK.

PERDANA MENTERI YANG JUGA KETUA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI PAHANG BERHARAP PERTEMUAN DALAM KONVENSYEN ITU TIDAK SAHAJA AKAN MEMBERIKAN KESEMPATAN KEPADA PARA PESERTA KHUSUSNYA PARA PEMIMPIN UMNO MELAHIRKAN PENDAPAT DAN CADANGAN TETAPI AKAN JUGA MEMBOLEHKAN MEREKA MEMAHAMI SESUATU BIDANG DAN MASALAH DENGAN LEBIH JELAS.

"DENGAN DEMIKIAN DAPATLAH Masing-masing Mengambil Langkah Atau Tindakan Yang Sesuai Bagi Mencapai Matlamat Yang Kita Hajatkan," Tambahnya. -- LAGI 1250/MK

NNNN

ZCZC B531

MAHATHIR - KONVENSYEN 2 KUANTAN

MENGENAI KONVENSYEN TERSEBUT YANG AKAN MENUMPUKAN KEPADA ASPEK EKONOMI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP PARA PESERTA AKAN MENGAMBIL KESEMPATAN BAGI MENGENALI DAN MEMAHAMI MASALAH SERTA PELUANG EKONOMI DI NEGERI PAHANG KHUSUSNYA DAN DI NEGARA INI AMNYA.

"DENGAN PEMAHAMAN ITU DAPATLAH KITA SAMA-SAMA BERUSAHA DAN MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB BAGI MENCAPAI HASRAT MENCAPAI MASA DEPAN YANG LEBIH BAHAGIA," KATANYA.

DALAM PERUTUSANNYA PULA, MENTERI BESAR, DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK BERKATA MELALUI KONVENSYEN SEPERTI ITU PARTI AKAN DAPAT MENILAI SEMULA PRESTASINYA SELAMA INI DAN DAPAT MERUMUSKAN SERTA MENYUSUN STRATEGI-STRATEGI BARU DALAM USAHA MEMPERTINGKATKAN SOSIO-EKONOMI ORANG MELAYU.

DAPAT JUGA, KATANYA, DIFIKIRKAN PENDEKATAN-PENDEKATAN BARU YANG BERKESAN SESUAI DENGAN KONSEP PIMPINAN HARI INI.

DALAM HUBUNGAN INI, BELIAU BERKATA PEMIKIRAN-PEMIKIRAN YANG BERNAS DARI PARA PESERTA AKAN DAPAT MENDORONG BANGSA MELAYU BERUSAHA LEBIH GIGIH LAGI BAGI MENCAPAI KEJAYAAN SELARAS DENGAN DASAR PANDANG KE TIMUR YANG MEMBOLEHKAN MEREKA MENJADI BANGSA YANG DISEGANI DAN DIHORMATI. -- LAGI 1255/MK

MAHATHIR - KONVENSYEN 3 KUANTAN

DATUK NAJIB BERHARAP KONVENSYEN ITU DAPAT MENELURKAN IDEA-IDEA BARU SEBAGAI PANDUAN BAGI MENCAPAI MATLAMAT PERJUANGAN PARTI YANG BERLANDASKAN KEPADA KEPENTINGAN BANGSA, AGAMA DAN TANAH AIR SERTA MEMBERI SEMANGAT BARU KEPADA SEMUA ANGGOTA KE ARAH PENYERTAAN MEREKA YANG LEBIH BERMAKNA.

MENTERI BESAR YANG JUGA TIMBALAN Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Pahang akan menyampaikan ucapan dasarnya yang akan dibincangkan di dalam bengkel dan sidang pleno.

DATUK SERI DR. MAHATHIR SELAKU PRESIDEN UMNO MALAYSIA AKAN MENTUP KONVENSYEN TERSEBUT YANG AKAN DIBERTAI OLEH SERAMAI 400 ORANG MEWAKILI BAHAGIAN-BAHAGIAN UMNO DI NEGERI INI. -- BERNAMA 1259/MK  
NNNN